

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 14/06/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional (26)

Tajuk : PPZ-MAIWP Yakin Kutip RM1.1 Bilion Zakat Tahun Ini

Bersandarkan pada peningkatan kutipan sebanyak 15 peratus setakat Mei lepas

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) yakin mampu mencapai sasaran kutipan zakat RM1.1 bilion pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) PPZ-MAIWP, Mohammed Hassan berkata, setakat Januari hingga Mei lalu, sebanyak RM454 juta zakat telah dikutip, sekali gus menunjukkan peningkatan 15 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lepas.

Menurutnya, sasaran RM1.1 bilion itu mampu dicapai melalui kerjasama semua pihak dengan mempelbagaikan saluran bayaran termasuk kerjasama 102 ejen kutipan yang dilantik.

"Bagi tempoh Januari hingga Mei ini sahaja, saluran

PPZ-MAIWP yakin kutip RM1.1 bilion zakat tahun ini



Mohammed (tengah) bersama pemenang Majlis Apresiasi Ejen Kutipan Zakat PPZ-MAIWP 2023 di Kuala Lumpur pada Khamis.

bayaran zakat melalui ejen telah berjaya mengutip sebanyak RM32.9 juta iaitu peningkatan 30 peratus berbanding tempoh sama iaitu RM25.4 tahun lalu.

"Berdasarkan rekod, kutipan melalui saluran ejen menyumbang lapan peratus daripada kutipan zakat keseluruhan RM91 juta pada 2023.

"Menerusi trend peningkatan kutipan ini, Insya-ALLAH sasaran RM1.1 bilion mampu dicapai," katanya ketika ditemui pada Majlis Apresiasi Ejen Kutipan Zakat PPZ-MAIWP 2023 di Hotel Ideas di sini pada Khamis.

Pada majlis itu, PPZ-MAIWP menyampaikan anugerah kepada 12 ejen terbaik yang me-

nunjukkan prestasi kutipan tertinggi tahun lalu berdasarkan empat kategori iaitu Saluran Offline, Majikan Potong Gaji Ejen, Online (bank) dan Online (e-wallet, portal dan aplikasi).

Kategori Saluran Offline menyaksikan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad menerima anugerah platinum

manakala Ahlan Academy for Excellence Sdn Bhd (emas) dan Universiti Tun Abdul Razak Sdn Bhd (perak).

Kategori Saluran Majikan Potong Gaji Ejen, Dr Smile Taman Melawati Sdn Bhd (platinum), Headir & Co (emas) dan Ahlan Academy for Excellence Sdn Bhd (emas).

Sementara kategori Saluran Online (bank), Maybank Islamic Berhad (platinum), CIMB Bank Berhad (emas) dan Bank Islam Malaysia Berhad (perak).

Terakhir kategori Saluran Online (e-wallet, portal dan aplikasi), Raiz Malaysia Sdn Bhd (platinum), Amanah Saham Nasional Berhad (emas) dan MYEG (perak).

Mohammed berkata, PPZ-MAIWP menyasarkan pembayaran melalui saluran ejen dapat ditingkatkan daripada lapan peratus kepada 10 peratus atau sebanyak RM100 juta pada tahun ini yang mana setiap satunya tidak dilantik sembarangan.